

'Ovari', derita kerelaan dalam keterpaksaan

UB 24.12.17 85

FILEM pendek Ovari terbitan Silariang Production ditayangkan selama tiga hari berturut-turut iaitu pada 14 hingga 16 Disember baru-baru ini di Dewan Resital Universiti Malaysia Sabah (UMS) sempena Festival Skrin Digital.

Festival Skrin Digital merupakan festival yang dijalankan setiap tahun oleh mahasiswa daripada blok seni, Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan bermula sejak tahun 2014.

Filem pendek Ovari adalah hasil karya Silariang Production dengan kru seramai 13 orang pelajar tahun

akhir (major teater) yang mengambil kursus Seni Kreatif.

Selama hampir 3 bulan menjalankan proses penggambaran yang juga di bawah penilaian beberapa kursus yang berdaftar. Bantuan daripada pensyarah dan tutor-tutor yang banyak membantu serta kekuatan daripada ahli-ahli mampu membuatkan filem pendek karya sulung ini ditayangkan dengan kepuasan.

Pada malam Festival Skrin Digital, Silariang Production tercalon 8 anugerah daripada 20 anugerah yang dipertandingkan dan mampu memiliki dua anugerah iaitu Anugerah Poster Terbaik dan

Anugerah Khas Juri iaitu Rokky dalam filem pendek Ovari.

Antara pencalonan Ovari adalah Trailer Terbaik, Poster Terbaik, Pengurusan Terbaik, Kesan Khas Terbaik, Pelakon Harapan Wanita Terbaik, Pelakon Lelaki Terbaik, Pelakon Wanita Terbaik dan Anugerah Khas Juri.

"Secara peribadinya, filem pendek Ovari ini adalah sebuah filem yang bergenrekan aksi *thriller* namun terselit sedikit pengajaran di dalamnya. Maksud saya, penulis skrip menunjukkan penderitaan dan keterpaksaan seorang wanita untuk menjadi seorang pelacur. Rasanya



GAMBAR kru & pelakon bersama dengan trofi kemenangan.



BARISAN krew dan pelakon yang menjayakan filem pendek Ovari.

filem pendek ini harus dijadikan filem panjang untuk seterusnya," menurut Ainena, salah seorang penonton filem pendek Ovari.

Pengarah dan penulis skrip mengangkat satu kefahaman yang ingin ditunjukkan kepada penonton di dalam filem pendek Ovari.

Kefahaman yang dimaksudkan adalah "tidak semua pelacur yang kita lihat, adalah seorang wanita yang rela dan mahu digelar 'pelacur' namun pasti ada sebab mengapa mereka memilih jalan itu."

Mesej serta kefahaman ditunjukkan jelas dalam filem ini iaitu apabila Haizah (watak utama) telah dirogol dan diseksual oleh Rokky (bapak ayam) dan dipaksa untuk menjadi

seorang pelacur. Haizah tersebut antara pilihan yang ditetapkan oleh Rokky iaitu jika Haizah lari daripada pusat pelacuran, Hanim (adik Haizah) pula yang seterusnya menjadi mangsa kekejaman Rokky.

Pada penghujung filem pendek ini, tercetusnya satu babak di mana Haziq (teman lelaki Haizah) dan Razak (ayah Haizah) dibunuh kerana Haizah cuba melarikan diri daripada pusat pelacuran berkenaan. Jelas terlihat keterpaksaan dan pengorbanan seorang kakak demi menjamin keselamatan adiknya.

"Pada awalan filem ini, pengarah membawa penonton melayari aksi-aksi pergaduhan, tembak menembak dan kejar mengejar namun bila

sampai ke penghujung cerita pengarah mampu membuat penonton mengalirkan air mata melihat pengorbanan seorang wanita. *It was a great film!*" kata Razman, penonton filem pendek Ovari.

Sepanjang tiga hari berturut-turut penayangan filem ini, semua ahli produksi Silariang Production berpuas hati dengan sambutan jualan tiket yang begitu memberangsangkan. Kira-kira 200 orang memenuhi tempat duduk penonton sepanjang tiga hari penayangan.

"Sebagai seorang pengarah, saya sangat berpuas hati dengan komitmen, kerjasama dan ilmu profileman yang kami dapat pelajari sepanjang

proses pembikinan filem pendek ini.

"Ovari ini ingin membawa dan mahu anda mengubah persepsi dan tanggapan masyarakat terhadap wanita yang bergelar pelacur," kata Juhan Junaidi, Pengarah filem pendek Ovari.

"Isu pelacur adalah satu isu yang sangat sensitif untuk dibincangkan apalagi untuk difilemkan. Namun, kami seramai 13 orang ahli produksi membulatkan kata untuk terus mengangkat isu ini walaupun ternyata ianya tidak dipandang serius. Semoga apa yang saya dan rakan-rakan produksi cuma sampaikan dalam filem pendek ini mampu diterima oleh masyarakat amnya," tambahnya lagi. -Artikel sumbang NUR HIDAYA MD YUNUS

